KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE

UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR

14 JANUARI 2021 (KHAMIS)

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

14 JANUARI 2021 (KHAMIS)

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : KHAMIS
TARIKH : 14/1/2021
M/SURAT : 6

KPDNHEP jamin bekalan tidak terjejas sepanjang PKP

PUTRAJAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan sentiasa memastikan rangkaian peruncitan, pengedaran dan pemborongan yang merupakan nadi kepada ekonomi domestik tidak terjejas sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, langkah itu diambil bagi memberi keyakinan kepada rakyat bahawa mereka masih boleh mendapatkan bekalan barangan keperluan asas di pasaran.

Menurut beliau, dalam mengimbangi kelangsungan perkembangan ekonomi dalam negeri, salah satu daripada lima sektor ekonomi yang dibenarkan beroperasi adalah sektor perdagangan dan pengedaran yang merupakan salah satu sektor di bawah kawal selia KPDNHEP.

"Senarai aktiviti sektor perdagangan dan pengedaran yang dibenarkan beroperasi adalah seperti kompleks belibelah, pasar raya, farmasi, kedai serbaneka dan dobi (tidak termasuk layan diri).

"Selain itu, restoran, kedai perabot, kedai emas, kedai elektrik dan elektronik, kedai buku dan alat tulis serta makanan haiwan turut dibenarkan beroperasi.

"Begitu juga, bengkel kenderaan, penyelenggaraan dan alat ganti, pusat pengedaran dan jualan kereta dan stesen minyak," kata beliau dalam satu kenyataan akhbar semalam.

Alexander berkata, bagi memastikan tiada sebarang halangan atau sekatan pergerakan sepanjang tempoh PKP, syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti perdagangan pengedaran perlu mendapatkan surat notifikasi pengesahan pendaftaran.

Menurutnya, syarikat tersebut boleh memohon surat notifikasi pengesahan pendaftaran dengan mengakses portal Covid-19 *Intelligent Management System* (CIMS), MITI melalui pautan *https://notification.miti.gov*," katanya.

Katanya lagi, mana-mana syarikat sektor perdagangan dan pengedaran yang belum berdaftar dengan CIMS boleh berbuat demikian melalui pautan *https://notification.miti.gov* dan surat notifikasi pengesahan pendaftaran boleh dimuat turun oleh syarikat selepas pendaftaran.

Untuk maklumat lanjut, pihak pemain industri dan orang ramai boleh menghubungi Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan di talian hotline **03 8882 5881** atau **5903** atau melalui emel kepada *spip@kpdnhep.gov.my*.

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : KHAMIS
TARIKH : 14/1/2021
M/SURAT : 17

Melibatkan barang rampasan kes sejak 2019

Lupus kasut tiruan bernilai RM1.29 juta

Oleh MUHAMAD TARMIZE MOHD. NOR

IPOH – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak melupuskan sebanyak 23,195 pasang kasut pelbagai jenama tiruan serta cakera padat bernilai RM1.44 juta di Stor Eksibit Perak di sini semalam.

Pengarah KPDNHEP Perak, Saifullizan Kamarul Zaman berkata, pelupusan barang rampasan berkenaan melibatkan 17 kes di bawah Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Kawalan Bekalan 1961 serta Akta Timbang dan Sukat 1972 melibatkan tahun 2019 dan 2020.

"Sebanyak 23,195 pasang kasut pelbagai jenama tiruan bernilai RM1.29 juta dilupuskan hari ini (semalam) bersama cakera padat (CD), cakera padat video (VCD) dan cakera video digital (DVD) cetak rompak selain barang kawalan.

"Kita telah menerima arahan pelupusan oleh pengawal dan mahkamah ke atas semua barangan itu," katanya di sini semalam.

SAIFULLIZAN (tengah) melakukan gimik pelupusan barang rampasan di Stor Eksibit KPDNHEP Perak di Ipoh semalam.

Sementara itu, Saifullizan berkata, pihaknya telah memeriksa 77,886 buah premis sepanjang tahun lalu dan 855 kes terhasil daripada jumlah tersebut melibatkan nilai rampasan RM747,064.89 dengan nilai kompaun RM300,050.

Dalam pada itu, KPDNHEP Perak memberi jaminan barangan keperluan di negeri itu mencukupi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Pengisytiharan Proklamasi Darurat oleh kerajaan.

theSun
TELLING IT AS IT IS

HARI : KHAMIS
TARIKH : 14/1/2021
M/SURAT : 6

FAKE GOODS ... Perak Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs Director Saifullizan Kamarul Zaman (centre) with immitation brand shoes worth RM1.29 million to be disposed at a disposal programme held at Tasek Industrial Estate, Jalan Kuala Kangsar in Ipoh yesterday. – ***BERNAMAPIX***

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : KHAMIS
TARIKH : 14/1/2021
M/SURAT : 16

Bekalan barangan keperluan cukup di NS

SEREMBAN – Bekalan barangan keperluan asas di semua peringkat rantaian perniagaan di negeri ini adalah mencukupi.

Jaminan itu berdasarkan pemeriksaan yang dijalankan oleh 105 anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan dan 30 pegawai pemantau harga di 515 premis perniagaan di negeri ini.

Pengarah KPDNHEP negeri, Ain Arjuna Aziz Zaman berkata, hasil pemeriksaan tersebut, beliau memberikan jaminan barangan keperluan utama mencukupi pada harga yang stabil di dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di negeri ini.

"Berdasarkan rekod, daripada 9 Januari sehingga 11 Januari 2021 lalu sebanyak 515 premis telah diperiksa meliputi pemborong, peruncit, pasar raya besar, pasar mini dan pasar-pasar awam di negeri ini. Situasi pembelian panik juga didapati tidak berlaku di premis-premis perniagaan yang diperiksa.

"Bekalan barangan keperluan harian terutamanya barang makanan dan barang keperluan utama dijamin cukup pada harga yang stabil dan munasabah di dalam tempoh pelaksanaan PKPB di negeri ini. KPDNHEP Negeri Sembilan menasihati penduduk di negeri ini supaya bertenang dan tidak membuat pembelian panik," katanya dalam kenyataan semalam.

Sementara itu, Ain Arjuna memaklumkan, sebanyak 44,218 premis telah diperiksa oleh pihaknya yang meliputi 32,740 premis di kawasan bandar dan juga 11,478 luar bandar sepanjang tahun lalu.

"Pegawai penguat kuasa KPDNHEP di negeri ini akan sentiasa memantau dan memeriksa bagi memastikan bekalan mencukupi dan harga barang stabil tanpa kenaikan mendadak.

"Para pengguna juga dinasihatkan untuk terus mematuhi prosedur standard operasi SOP yang ditetapkan serta nasihat daripada Kementerian Kesihatan yang sering ditekankan terutamanya ketika keluar mendapatkan barangan keperluan harian," katanya.

Beliau juga menyarankan kepada pengguna untuk membuat pembelian secara dalam talian sebagai langkah mengurangkan kesesakan dan pergerakan fizikal di premis-premis perniagaan.

ANGGOTA penguat kuasa KPDNHEP Negeri Sembilan melakukan pemeriksaan di sebuah premis perniagaan di Seremban semalam.

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : KHAMIS
TARIKH : 14/1/2021
M/SURAT : 16

RM4.2j barang seludup dirampas musim banjir

RANTAU PANJANG – Pasukan Gerakan Am (PGA) merampas pelbagai barangan seludup bernilai RM4.2 juta di sempadan negeri ini sepanjang musim tengkujuh kali ini.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 7, Superintendan Azhari Nusi berkata, sebanyak 77 kes seludup melibatkan haiwan ternakan, barangan tiruan, kosmetik, ayam sejuk beku, pakaian, bahan subsidi, pendatang asing tanpa izin (PATI) dan ketum dilaporkan sejak 16 Disember lalu.

"Kita turut menahan 67 orang berkaitan kes dadah.

"Terbaharu, PGA dengan kerjasama Kemententerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Pasukan Polis Marin Wilayah Tiga Pengkalan Kubor mematahkan cubaan menyeludup petrol di dua lokasi di sini kelmarin (Isnin)," katanya pada sidang akhbar di Markas Taktikal PGA, Lubok Stol di sini semalam.

Serbuan pertama dibuat di Jalan Pasir Mas-Rantau Panjang yang membawa kepada penahanan seorang lelaki berusia 35 tahun bersama 625 liter petrol.

Semakan mendapati suspek memiliki empat rekod jenayah.

"Kira-kira 15 minit kemudian, kita menahan pula sebuah kereta di Kampung Kubang Rambutan di sini.

"Pemandu kereta tersebut terkejut selepas menyedari diekori pihak berkuasa dan pemeriksaan di dalamnya menemui sebanyak 625 liter petrol," katanya.

AZHARI (tengah) melihat tong berisi petrol yang dirampas pada sidang akhbar di Rantau Panjang, Kelantan semalam.

Harian Metro

HARI : KHAMIS
TARIKH : 14/1/2021
M/SURAT : 22

Penyeludup cedera terbabas

PGA7 rampas 1,250 liter petrol, 2 suspek ditahan

Oleh Syaherah Mustafa
am@hmetro.com.my

Rantau Panjang

Tindakan seorang penyeludup petrol memecut laju kenderaannya membawa padah apabila keretanya terbabas melanggar pagar rumah penduduk di Kampung Kubang Rambutan di sini, kelmarin.

Pegawai Pemerintah PGA7, Superintendan Azhari Nusi berkata, dalam kejadian jam 5.15 petang itu, anggota bertugas mengekori kereta Proton Saga berwarna biru yang dipandu suspek lelaki berusia 27 tahun sebelum berlaku kemalangan.

Katanya, anggota kemudian mendapati suspek tersepit di antara tong plastik yang mana selepas dibuat pemeriksaan mengandungi 625 liter minyak petrol yang diisi di dalam 25 tong dipercayai untuk diseludup ke negara jiran.

"Suspek dibawa oleh anggota ke Hospital Pasir Mas (HPM) kerana cedera dan tiada kemalangan jiwa membabitkan orang awam. Hasil semakan mendapati suspek mempunyai dua rekod lampau.

"Suspek pernah disabit kesalahan mengikut Seksyen 26A Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 dan Seksyen 7(1)(a) Akta Bahan Kakisan, Letupan dan Senjata Berbahaya 1958.

"Sementara itu, pada hari yang sama, kami turut membanteras satu lagi penyeludupan minyak petrol, juga sebanyak 625 liter yang dibawa seorang lelaki menaiki Proton Saga berwarna kelabu di Jalan Pasir Mas-Rantau Panjang," katanya pada sidang media di Markas Taktikal PGA Briged Tenggara di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Penguatkuasanya, Azanizam Affendi Juri dan Pegawai Pemerintah Markas Operasi Pasukan Polis Marin (PPM) Pengkalan Kubor, Asisten Superintendan Mohd Rudzuan Ahmad.

Azhari berkata, suspek kedua berusia 34 tahun juga mempunyai rekod lampau membabitkan penyalahgunaan dadah.

Tambahnya, semua barang rampasan termasuk dua kereta daripada kesemua serbuan bernilai RM22,300 diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pasir Mas untuk tindakan lanjut.

"Hasil siasatan mendapati mereka mengambil bekalan minyak dari kawasan perindustrian Pasir Mas sebelum diseludup ke Thailand melalui Pangkalan Haram Mayat, Kampung Rahmat, Lubok Stol, di sini.

"Kedua-dua kes disiasat mengikut Seksyen 21, Akta Kawalan Bekalan 1961, dibaca bersama Peraturan 3 (1) Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

"Saya juga ingin berkongsi kejayaan PGA7 sepanjang menjaga Op Benteng Covid-19 dengan nilai keseluruhan rampasan sebanyak RM4.2 juta membabitkan pelbagai kes penyeludupan seperti barangan kontraban, kosmetik dan ayam sejuk beku," katanya.

AZHARI (tengah) menunjukkan kenderaan yang disita.

AZHARI (tengah) bersama Azanizam Affendi (kanan) dan Mohd Rudzuan (kiri) menunjukkan minyak petrol yang dirampas pada sidang media di Markas Taktikal Batalion 7 PGA, Lubok Stol, semalam.

RM4.2j
Nilai rampasan PGA7 sepanjang jaga Op Benteng Covid-19

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

HARI : KHAMIS
TARIKH : 14/1/2021
M/SURAT : 19



FUNGSI agensi-agensi yang mengawal aspek halal masih lemah. - GAMBAR HIASAN

Tambah baik prosedur import barang halal

SAUDARA PENGARANG,

BARU-BARU ini, kita dikejutkan dengan isu kartel yang mendalangi penyeludupan daging import dari negara sumber tidak sah, termasuk diragui status halal dan kualiti sehingga mengundang kemarahan rakyat beragama Islam.

Dari satu segi, kita bersyukur kerana umat Islam di Malaysia sangat peka dengan isu-isu halal kerana ia melibatkan makanan yang menjadi darah daging. Namun, menuduh dan menghukum satu-satu pihak bukan kaedah penyelesaian terbaik.

Tumpuan sepatutnya adalah menambah baik rantaian bekalan halal. Pada masa sekarang, fungsi agensi-agensi yang mengawal import dan eksport masih lemah.

Penguatkuasaan aktiviti perdagangan halal ini tidak terletak sepenuhnya dalam bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) kerana ia hanya dipertanggungjawabkan untuk menyemak sijil halal daging import.

Penguatkuasaan ini perlu diperkukuhkan lagi melalui lantikan agensi seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) atau agensi yang mempunyai kapasiti pengetahuan dan pengalaman khusus dalam mengawal produk halal di sempadan serta pintu masuk lain.

Ia dilihat selaras dengan pindaan Akta Perihal Dagangan (APD) 2011 yang turut memperluaskan bidang kuasa pegawai Jakim dalam aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang terhadap pengusaha yang menyalahgunakan logo halal melalui kad kuasa yang diberikan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berbanding hanya menjadi saksi sebelum pindaan APD 2011 dilakukan.

Bagaimanapun, bagi melengkapkan lagi kuasa Jakim dalam melaksanakan sistem halal yang holistik, cekap dan berkesan, sudah tiba masanya akta halal digubal untuk penambahbaikan prosedur dan polisi kemasukan barangan halal yang boleh digunakan sebagai rujukan operasi. Kewujudan akta berkenaan akan membolehkan Jakim menetapkan prosedur dan polisi import barangan halal.

Dalam pada itu, sejak 2009, tiada pertambahan staf dalam Bahagian Pengurusan Halal Jakim. Untuk meningkatkan kawalan kemasukan barangan halal, Jakim memerlukan penambahan bilangan kakitangan.

Langkah penambahbaikan lain ialah sekiranya barang halal tidak ada dalam kod tarif kastam, kita perlu meletakkan keperluan syarat-syarat kepada pengimport untuk mengikrarkan barang halal seperti yang dilakukan kepada barang mudah rosak *(fragile)*.

Satu lagi kelemahan yang dikesan adalah pemeriksaan fizikal dan operasi pengesahan kandungan barangan import halal juga tidak dapat dilaksanakan di sempadan. Ini adalah disebabkan oleh ketiadaan fasiliti untuk mengesan dan membezakan barang makanan halal atau haram yang memasuki negara kita. Ini sudah tentu menyukarkan pelaksanaan kawalan barangan halal kepada agensi-agensi sedia ada.

Kemudahan pengasingan barangan ini penting kerana mengikut undang-undang, tiada halangan untuk membawa barang tidak halal masuk ke Malaysia kecuali barangan larangan yang disekat untuk keluar dari dan masuk ke negara ini.

PROF. MADYA DR. HARLINA SUZANA JAAFAR & NOR BAKHRIAH SARBANI
Pusat Pengurusan Halal dan Inovasi Perniagaan
Universiti Teknologi Mara (UiTM)

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : KHAMIS
TARIKH : 14/1/2021
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

Ayam	RM5.99	Telur Gred A	RM9.79	Gula Pasir	RM2.60	Cili Merah	RM12.99
Daging Lembu Tempatan	RM32	Ikan Kembung	RM8.99	Bawang Besar Holland	RM2.69	Kubis Tempatan	RM3.80
Daging Lembu Import	RM24	Minyak Masak	RM5.32	Bawang Putih	RM4.88	Tepung Gandum	RM2.15

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP